

06 AUG 1999

KEMENTERIAN KENALPASTI BARANG MAKANAN IMPORT UNTUK TURUNKAN INFLASI

KUALA SELANGOR, 6 Ogos (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengenalpasti barang-barang makanan import untuk dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara supaya dapat dianalisis dan diambil tindakan tertentu dalam usaha menurunkan kadar inflasi negara.

Menteri berkenaan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub berkata negara masih mengimport berbilion-bilion barang makanan dari luar negara setiap tahun dan kadar inflasi negara dapat diturunkan sekiranya keadaan ini dapat dibendung.

Beliau berkata walaupun kadar inflasi negara kini berada pada paras 2.1 peratus dan mengikut statistik dunia, inflasi dibawah paras tiga peratus dianggap inflasi sifar, namun kadar itu boleh diturunkan lagi dengan usaha gigih semua pihak.

Malah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri baru-baru ini menyatakan beliau belum berpuashati dengan kadar inflasi itu dan mahukan supaya ia diturunkan lagi, katanya pada persidangan media di sini.

Megat Junid sebelum itu menghadiri majlis perasmian Hari Pengguna Sedunia peringkat Selangor yang dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar di Padang Majlis Daerah Kuala Selangor di sini hari ini.

Menurut Megat Junid ia bukan suatu perkara mudah kerana dalam suasana kegawatan dan nilai ringgit pada kadar RM3.80 satu dolar Amerika Syarikat pada masa ini sekali pun, negara masih mengimport berbillion-billion barang makanan dari luar.

"Kira-kira 50 peratus daripada keadaan inflasi yang dialami oleh negara pada masa ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang makanan," katanya.

-- BERNAMA

AZH LAT